

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 18.12.2024 MASA: 02.30PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PENGHARGAAN KEPADA RAKAN STRATEGIK  
LOCAL ACTION 21  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**20 DISEMBER 2024 (JUMAAT)  
10.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA  
MENARA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**  
Setiausaha Bandaraya

**Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin**  
Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyelaras  
Majlis Penghargaan Rakan Strategik *Local Action 21* MBSP

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam **Majlis Penghargaan Kepada Rakan Strategik Local Action 21 Majlis Bandaraya Seberang Perai**.
2. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua hadirin yang hadir bagi menjayakan program ini pada hari ini.
3. Majlis ini adalah platform penting untuk kita mengiktiraf dan menghargai usaha serta komitmen semua rakan strategik yang telah bersama-sama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam menjayakan pelbagai inisiatif di bawah Local Action 21 (LA21). Sesungguhnya, kejayaan yang kita capai hari ini adalah hasil daripada sinergi, kerjasama, dan kesungguhan semua pihak.
4. MBSP melalui Jawatankuasa Induk Local Action 21 telah menjalankan pelbagai aktiviti dan program bersama sekolah, syarikat swasta, NGO dan komuniti. Jawatankuasa Induk LA21 MBSP ini terdiri daripada empat (4) jawatankuasa utama iaitu, Jawatankuasa Kitar Semula dan Upcycle; Jawatankuasa Kecemerlangan Wanita; Jawatankuasa Haiwan Kesayangan dan Jawatankuasa Mesra Alam.

5. Sijil-sijil penghargaan akan diberikan kepada enam (6) agensi kerajaan, lapan (8) NGO dan 22 syarikat swasta, yang telah menjalin kerjasama strategik bersama MBSP dalam menjayakan program-program berkaitan LA21 bagi menjamin kelestarian alam sekitar.
6. Diharap melalui kepelbagaian kerjasama bersama rakan-rakan strategik ini, mampu memenuhi nilai korporat MBSP sendiri iaitu MBSP bekerjasama di antara organisasi dan komuniti untuk meningkatkan hasil, mendapat pulangan yang baik bagi setiap ringgit dan meningkatkan tahap perkhidmatan. Kerjasama ini juga dapat memberi impak dalam merealisasikan model Pengguna Bijak (*Smart Consumption*) bagi *Sustainable Development Goals* 12 & 13 iaitu *Responsible Consumption & Production* dan *Climate Action*.
7. MBSP amat berbangga dengan pencapaian yang telah kita raih melalui inisiatif LA21, terutamanya dalam:
  - i. Pengurangan jejak karbon melalui pelaksanaan program kitar semula yang berkesan;
  - ii. Penggalakan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dalam kalangan komuniti; dan
  - iii. Penglibatan aktif komuniti dalam pelbagai program kesedaran alam sekitar.

8. Semua ini tidak mungkin tercapai tanpa sokongan padu daripada rakan-rakan strategik sekalian. Tuan-tuan dan puan-puan adalah tunjang kepada kejayaan LA21 di Seberang Perai. Komitmen yang telah diberikan, sama ada dalam bentuk idea, tenaga, mahupun sumber, amatlah dihargai.
9. Penglibatan serta keloberasi dengan agensi-agensi kerajaan, Pusat Pengajian Tinggi, NGO, pihak swasta, persatuan penduduk, sekolah dan lain-lain lagi perlulah diteruskan dan amat digalakkan untuk pembangunan dan kesejahteraan Seberang Perai. Saya menyeru agar kita dapat berusaha untuk memperbanyakkan lagi kerjasama strategik yang mana, ianya dapat memberi kebaikan kepada semua pihak.
10. Oleh itu, saya menyeru kepada semua rakan strategik untuk terus bersama MBSP dalam semua program. Marilah kita berganding bahu untuk memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan dapat memberi impak yang positif dan berkekalan kepada generasi akan datang.
11. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada rakan strategik yang akan menerima penghargaan pada hari ini. Anda adalah inspirasi kepada kita semua dan contoh terbaik kepada komuniti tentang betapa pentingnya mengambil tanggungjawab bersama dalam mencapai matlamat pembangunan

mampan. Semoga hubungan ini terus kukuh dan membawa lebih banyak manfaat kepada warga Seberang Perai.

12. Akhir kata, marilah kita bersama-sama melangkah ke hadapan dengan semangat baharu untuk menjadikan Seberang Perai sebuah bandaraya yang lebih mampan, inklusif, dan sejahtera. Selamat menyambut Hari Krismas kepada semua penganut agama Kristian dan Selamat menyambut Tahun Baru 2025.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***